

# JPA kaji syor hapus gaji statik

27 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Ahad - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengkaji cadangan Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berhubung penghapusan pergerakan gaji statik mengikut Jadual Gaji Matriks dalam Sistem Saran Baru (SSB).

Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Samsudin Osman berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Cuepacs mengenai perkara itu kerana cadangan berkenaan memerlukan kajian teliti.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas cadangan Cuepacs yang terkandung dalam memorandum yang diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rabu lalu.

Samsudin yang ditemui selepas menghadiri taklimat Fama di Bandar Baru Selayang dekat sini semalam, berkata pihaknya sering mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan perkara yang diketengahkan mana-mana organisasi, seperti Cuepacs dan Persatuan Pesara Kebangsaan.

Memorandum itu antara lain mencadangkan pergerakan gaji statik dihapuskan dan semua pergerakan gaji bagi anggota perkhidmatan awam digantikan dengan pergerakan mendatar.

Cuepacs turut mencadangkan sistem gaji tiga baris yang diamalkan dalam SSB sekarang digantikan dengan sistem gaji sebaris yang memberi peluang kepada semua kakitangan perkhidmatan awam menikmati gaji permulaan dari paras satu sehingga gaji maksimum pada paras tiga.

Kongres itu juga mencadangkan pergerakan gaji sama ada melintang, menegak, mendatar atau statik tidak dilaksanakan berdasarkan laporan penilaian prestasi tahunan yang diragui ketepatannya berikutan terdapat panel yang tidak mengenali kakitangan dalam sesuatu jabatan serta unsur pilih kasih.